Pendakwa Raya lwn Che Saufi bin Kadir

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–23 TAHUN 2002
VT SINGHAM H
20 DISEMBER 2004

Acara Jenayah — Pendakwaan — Kes pendakwaan — Keterangan ikut keadaan — Jurang dan kecacatan dalam kes pendakwaan — Sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie case terhadap tertuduh — Sama ada tertuduh dipanggil untuk memasukkei pembelaan — Sama ada keterangan ikut keadaan mencukupi untuk mengaitkan tertuduh kepada tuduhan

Tertuduh dituduh melakukan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana semasa tangkapan dibuat, polis menjumpai satu beg plastik hitam di mana dalam beg tersebut mengandungi tiga ketulan mampat yang disyaki ganja dari tempat barang di belakang kereta yang dipandu oleh tertuduh. Isu adalah sama ada pendakwaan berjaya membuktikan milikan terhadap tertuduh berdasarkan kepada keterangan ikut keadaan dan sama ada keterangan tersebut yang dikemukakan adalah mencukupi untuk membangkitkan andaian untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh seperti di dalam pertuduhan.

Diputuskan, membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil untuk memasukkan pembelaan:

(1) Anggapan di bawah s 37(d), (g) atau (h) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak terpakai kepada keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan kerana tidak terdapat keterangan terus untuk milikan (lihat perenggan 6).

(2) Pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan tambahan pula, terdapat banyak jurang dan kecacatan pada peringkat penyiasatan dan juga pendakwaan kes (lihat perenggan 11).

(2) Di dalam kes semasa, keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan adalah keterangan ikut keadaan dan ianya tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan dadah yang dijumpai di dalam tempat barang di belakang kereta atau kepada milikan esklusif. Kawalan dan jagaan kereta tersebut pada ketika tangkapan tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan milikan dadah yang dijumpai di dalam tempat barang di belakang kereta (lihat perenggan 12, 18 dan 19).

(4) Dari keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan, terdapat lebih dari satu andaian yang boleh dibangkitkan iaitu sama ada tertuduh seorang sahaja yang memiliki milikan atau akses kepada kereta tersebut dan tempat barang di belakang kereta atau sama ada terdapat orang lain yang mempunyai akses dan milikan kereta tersebut. Dalam keadaan ini dan berdasarkan fakta-fakta kes, mahkamah harus dan wajar untuk memberi manfaat kepada

tertuduh bahawa terdapat orang lain yang mempunyai akses kepada kereta dan tempat barang di belakang kereta tersebut. Andaian ini diperkuatkan lagi kerana terdapat kelemahan dan putus talian di dalam keterangan pendakwaan dan dari itu tertuduh tidak dapat dikaitkan dengan dadah dan milikan esklusif. Sebarang inferens atau anggapan fakta tidak boleh dibuat berdasarkan tekaan semata atau di mana keterangan adalah terlalu spekulatif atau terlalu mencurigai (lihat perenggan 19 dan 21).

(5) Pada keseluruhan keterangan, termasuklah jurang-jurang dan kecacatan-kecacatan yang material di dalam kes pendakwaan, ianya tidak selamat untuk memanggil tertuduh untuk memasukkan pembelaan bagi menambah keterangan pendakwaan yang lemah. Ianya lebih selamat untuk membebaskan tertuduh dari menuduhnya bersalah (lihat perenggan 28 dan 49).

[**English summary**

The accused was charged with an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 as when the arrest was made, the police found a black plastic bag containing three compact blocks of substance believed to be cannabis from the boot of the car driven by the accused. The issue was whether the prosecution was successful in proving possession by the accused based on circumstantial evidence and whether the evidence adduced was sufficient to raise an inference to prove a *prima facie* case against the accused as per the charge.

Held, acquitting and discharging the accused without calling for his defence:

(1) The presumption under s 37(d) or (g) or (h) of the Dangerous Drug Act 1952 was not applicable to the evidence adduced by the prosecution as there was no direct evidence for possession (see para 6).

(2) The prosecution failed to prove that there was a *prima facie* caseagainst the accused and moreover, there were a lot of gaps and flaws during the investigation as well as in the prosecution stage (see para 11).

(3) In the instant case, the evidence adduced by the prosecution was circumstantial evidence and it was not enough to connect the accused to the drugs found in the car boot or to the exclusive posession thereof. The management and control of the car at the time of arrest was insufficient to connect the accused to the possession of the drugs found in the car boot (see para 12, 18 and 19).

(4) From the evidence adduced by the prosecution, there were more than one inference which could be raised ie, whether the accused was the only one having possession or access to the car and the boot or whether there were other persons having access and possession to the same. Inthese circumstances and on the facts of the case, the court should and ought to give benefit to the accused that there were other people

having access to the car and boot. This presumption was reinforced as there were weaknesses and gaps in the chain of evidence of the prosecution in that the accused could not be connected to the drugs and the exclusive possession thereof. Any inference or presumption of facts could not be drawn based on mere conjecture or where the evidence was too speculative or highly suspicious (see para 19 and 21).

(5) On the totality of the evidence which included material gaps and flaws in the prosecution case, it was not safe to call for the defence for the accused to supplement the weak evidence produced by the prosecution. It was a safe risk to acquit than to condemn the accused as guilty (see para 28 and 49).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kes pendakwaan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2807–2808.

Kes-kes yang dirujuk

A Jayaram & Anor v State of Andh Pradesh AIR 1995 SC 2128 (dirujuk)
Abdullah bin Yaacob v PP [1991] 2 MLJ 237 (dirujuk)
Abdullah Zawawi bin Yusoff v PP [1993] 3 MLJ 1 (dirujuk)
Alcontara a/l Ambross Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209 (dirujuk)
Aziz bin Muhamad Din v PP [1996] 5 MLJ 473 (dirujuk)
BA Rao & Ors v Sapuran Kaur & Anor [1978] 2 MLJ 146 (dirujuk)
Berry v British Transport Commission [1961] 3 All ER 65 (dirujuk)
Chan Chwen Kong v PP [1962] MLJ 307 (dirujuk)
Chan Kheng Nam lwn Pendakwa Raya [1995] MLJU 214 (dirujuk)
Chandrasekaran & Ors v PP [1971] 1 MLJ 153 (dirujuk)
Chang Kim Siong v PP [1968] 1 MLJ 36 (dirujuk)
Choo Teck Soon v PP [1954] MLJ 63 (dirujuk)
Eng Sin v PP [1974] 2 MLJ 168 (dirujuk)
Gnanasegaran a/l v Pararajasingam v PP [1997] 3 MLJ 1(dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137 (dirujuk)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489 (dirujuk)
Hari Ram Seghal v PP [1981] 1 MLJ 165 (dirujuk)
Ho Seng Seng v Rex [1951] MLJ 225 (dirujuk)
Husdi v PP [1980] 1 MLJ 80 (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 273 (dirujuk)
Jones v Great Western Railway Company 144 LT 194 (dirujuk)
Kalimuthu v PP [1955] MLJ 187 (dirujuk)
Karam Singh v PP [1967] 2 MLJ 25 (dirujuk)
Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544 (dirujuk)
Kartar Singh & Anor v Rex [1952] 18 MLJ 85 (dirujuk)
Kiew Foo Mui & Ors v PP [1995] 3 MLJ 505 (dirujuk)
Koay Chooi v Reg [1955] MLJ 209 (dirujuk)
Krishnan & Anor v PP [1981] 2 MLJ 121 (dirujuk)
Lee Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 322 (dirujuk)

Leow Nghee Lim v Reg [1956] MLJ 28 (dirujuk)
McGreevy v DPP [1973] 1 All ER 503 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 (dirujuk)
Osman Khan v PP [1948] MLJ 56(dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Chow Kam Meng [2001] MLJU 386 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Kang Ho Soh [1992] 1 MLJ 360(dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Lim Bong Kat & Anor [1992] 4 CLJ 2173 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Tan Hock Beng [2002] MLJU 75 (dirujuk)
PP v Adetunji Adeleye Sule [1993] 2 MLJ 70 (dirujuk)
PP v Ahmad bin Shafie [1988] 1 MLJ 255 (dirujuk)
PP v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585 (dirujuk)
PP v Basri bin Salihin [1994] 2 MLJ 476 (dirujuk)
PP v Chow Kam Meng [2001] MLJU 386 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1 (dirujuk)
PP v Karim bin Abd Jaabar [2002] 2 MLJ 488 (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1991] 1 MLJ 316 (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (dirujuk)
PP v Md Alim bin Samad [1998] 1 MLJ 260 (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2005] 2 MLJ 349 (dirujuk)
PP v Mok Kar Poh [2001] 5 CLJ 206 (dirujuk)
PP v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576 (dirujuk)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678 (dirujuk)
PP v Por Chong Beng [1996] 4 MLJ 467 (dirujuk)
PP v Ramasamy [1939] MLJ 163 (dirujuk)
PP v Salleh bin Saad [1983] 2 MLJ 164 (dirujuk)
PP v Sarjit Kaur a/p Nahar Singh [1998] 1 MLJ 184 (dirujuk)
PP v Sukumaran a/l Sudram [1999] 4 MLJ 462 (dirujuk)
PP v Syed Muhamad Faysal bin Syed Ibrahim [2004] MLJU 184 (dirujuk)
PP v Tai Mei Yuen [1990] 1 CLJ 1208 (dirujuk)
PP v Tan Tuan Seng [1993] MLJU 46 (dirujuk)
R v Gulder, R v Jones, R v Porritt [1960] 3 All ER 457 (dirujuk)
Sia Soon Suan v PP [1966] 1 MLJ 116 (dirujuk)
State of Kerala v MM Mathew & Anor AIR 1978 SC 1571 (dirujuk)
Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v PP [1982] 1 MLJ 132 (dirujuk)
Tan Boon Hock v Public Prosecutor [1979] 1 MLJ 236 (dirujuk)
Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor, Yeap Teong Tean v Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 220 (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433 (dirujuk)
Tong Peng Hong v PP [1955] MLJ 232 (dirujuk)
Wong Chooi v PP [1967] 2 MLJ 180 (dirujuk)
Yap Sing Hock & Anor v Public Prosecutor [1992] 2 MLJ 714 (dirujuk)
Yeong Kia Heng lwn Pendakwa Raya [1992] 1 MLJ 327 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (g), (h), 39B(1)(a)
Akta Keterangan 1950 ss 90(A)(2), s 114(g)

Mohd Dusuki bin Mokhtar (Mohamad Anas bin Mahadzir bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya) (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri) bagi pihak pendakwa. Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak tertuduh.

VT Singham H:

[1] Pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 19 November 2000 jam lebih kurang 11.40pg di Lorong No 4, Plaza Tol Jelapang Arah Selatan Ipoh di dalam Daerah Kinta, Di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sebagai seorang yang tidak diberi kuasa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 atau peraturan yang telah dibuat di bawah Akta yang sama telah didapati mengedar 2984 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Dalam kes ini, pendakwaan telah memanggil 14 orang saksi untuk memberi keterangan. Di antara 14 orang saksi tersebut, saksi-saksi yang penting adalah, Pegawai Serbuan ASPHamdan bin Majid (SP1), pegawai yang berkaitan dengan penerimaan maklumat dan tangkapan tertuduh, ASPMohd Razali bin Khamis (SP3), pegawai bertugas di observation point di terowong di Lebuh Raya Kuala Kangsar ASPIyeng (SP4), seorang bernama Loke Heng Fong (SP11) yang meminjamkan kereta AEA 1973 (eks P42) kepada tertuduh dan Pegawai Penyiasat, Penguasa Abd Rahman bin Hashim (SP14).

FAKTA KES

[3] Pada 17 November 2000, jam lebih kurang 11pg waktu pejabat ASP Mohd Razali Bin Khamis (SP3) menerima maklumat daripada seorang yang beliau tidak kenali yang menyatakan ada sebuah kereta No Pendaftaran AEA 1973 yang akan membawa dadah daripada Pengkalan Hulu ke Selatan Malaysia.

[4] Pada 19 November 2000, jam lebih kurang 6pg, SP3 mengadakan satu taklimat tugasan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dan anggota-anggota narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, Ipoh. Semasa taklimat beliau telah menempatkan pegawai dan anggota di tiga tempat untuk membuat pemerhatian (observation post). Tempat pertama untuk membuat pemerhatian ialah Simpang Kati di mana Ketua Inspektor Elias bin Abu Bakar (SP5) dan seorang Koperal Ghani diarahkan untuk mengambil tempat, tempat kedua untuk pemerhatian adalah di Simpang Jalan Kuala Kangsar — Pengkalan Hulu di mana Koperal Abu Samah diarahkan untuk mengambil tempat. Tempat ketiga untuk membuat pemerhatian adalah di terowong Jalan Lebuh Raya Selatan dan Utara Kuala Kangsar dan Jelapang di mana ASPIyeng s/o Endin (SP4) telah diarahkan untuk ditugaskan bersama manakala 'strike team' diketuai oleh ASP Hamdan bin Majid (SP1) yang mengambil tempat di rumah tol Jelapang. SP3 bertindak sebagai pembantu kepada ASP Hamdan (SP1) di mana semua maklumat yang diterima daripada ketiga-tiga tempat pemerhatian akan disalurkan kepada ASP Hamdan (SP1) oleh SP3.

[5] Pada 19 November 2000 jam lebih kurang 8.30 pg, pasukan polis bertolak daripada pejabat untuk mengambil tempat masing-masing. SP3 dan pasukan sampai di Tol Plaza Jelapang lebih kurang jam 8.45pg. Pada masa beliau berada di tempat Tol Plaza Jelapang, beliau menerima panggilan talipon pada jam lebih kurang 10.45pg daripada K/Insp Elias (SP5) dari tempat pemerhatian pertama, iaitu Simpang Kati di mana SP5 memberitahu bahawa kereta Proton Satria GTI nombor pendaftaran AEA 1973 yang dipandu oleh seorang lelaki dalam kereta tersebut berjalan melalui tempat pemerhatian pertama (Simpang Kati) dari arah hala Pengkalan Hulu ke arah Kuala Kangsar. Pada jam lebih kurang 11pg, SP3 menerima panggilan talipon daripada Koperal Abu Samah yang memberitahu SP3 bahawa kereta No AEA 1973 melalui tempat pemerhatian kedua simpang Jalan Kuala Kangsar dan menuju ke rumah tol Kuala Kangsar. Pada jam lebih kurang 11.30pg, SP3 menerima panggilan talipon daripada ASP Iyeng bahawa kereta No AEA 1973 melalui terowong menghala ke Tol Jelapang. Semua maklumat-maklumat yang diterima oleh SP3 terus diberitahu kepada ASPHamdan (SP1). Kemudian SP1 telah mengarahkan pasukan serbuan untuk mengambil tempat masing-masing. Pada jam lebih kurang 11.45pg, SP3 nampak ASP Hamdan (SP1) dan pasukan serbuan telah menahan kereta No AEA 1973 dan menarik pemandu kereta iaitu tertuduh. Selepas tangkapan dibuat SP1 telah menyerahkan satu beg plastik hitam di mana dalam beg tersebut mengandungi tiga ketulan mampat yang disyaki ganja kepada SP3. SP3 nampak ASP Hamdan (SP1) mengeluarkan beg plastik hitam dari tempat barang di belakang kereta tersebut iaitu dari boot belakang dan terus serahkan kepada SP3. Ketiga-tiga ketulan mampat di dalam beg plastik hitam tersebut adalah berbentuk bulat atau cylindrical. SP3 dipanggil oleh ASP Hamdan (SP1) untuk mengambil beg plastik hitam. SP3 nampak SP1 membuat pemeriksaan ke atas keseluruhan kereta tersebut. SP3 ada menerima maklumat yang terakhir pada 19 November 2000 jam lebih kurang 3pg bahawa kereta akan melalui Pengkalan Hulu menuju ke selatan.

HUJAH-HUJAH OLEH TIMBALAN PENDAKWA RAYA

[6] Dalam hujahan, timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah mengakui bahawa dalam kes ini anggapan (presumption) di bawah s 37(d) atau (g) atau (h) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak dipakai di atas keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan tidak ada keterangan terus (direct) untuk milikan seperti pertuduhan terhadap tertuduh. Selain dari pengakuan (concession) oleh pendakwaan bahawa anggapan tidak dipakai di atas fakta-fakta kes ini, mahkamah ini juga berpuas hati bahawa anggapan tidak dipakai. (Rujuk kes *Tong Peng Hong v Public Prosecutor* [1955] MLJ 232, *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v Public Prosectuor* [1982] 1 MLJ 132, *Public Prosecutor v Salleh bin Saad* [1983] 2 MLJ 164, *Public Prosectuor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561, *Public Prosecutor v Tan Tuan Seng* [1993] MLJU 46, *Public Prosecutor v Chow Kam Meng* [2001] MLJU 386).

[7] Oleh itu, timbalan pendakwa raya berhujah bahawa pendakwaan hanya berharap dengan keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) terhadap tertuduh untuk membuktikan milikan terhadap tertuduh. Dengan itu, mahkamah ini hanya menumpukan dan mempertimbangkan keterangan-keterangan untuk menentukan sama ada pendakwaan berjaya membuktikan milikan terhadap tertuduh berdasarkan kepada keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) dan sama ada keterangan tersebut yang dikemukakan adalah mencukupi untuk membangkitkan andaian (inference) untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh seperti pertuduhan.

[8] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah bahawa tertuduh mempunyai custody, control and knowledge bahawa terdapat dadah berbahaya di dalam beg plastik hitam (eks P30) yang didapati daripada boot kereta tersebut (eks P42). Oleh itu, timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah bahawa pendakwaan telah membuktikan tertuduh mempunyai milikan dari segi undang-undang dan seterusnya didapati mengedar (trafficking) dadah berbahaya seperti pertuduhan. Alasan-alasan yang dipakai untuk keterangan ikut keadaan oleh pendakwaan adalah seperti berikut:

(1) tertuduh sedang memandu kereta No AEA 1973 (eks P42) seorang diri semasa ditahan oleh sepasukan anggota polis di Tol Boot No 4, Tol Jelapang, Ipoh pada 19 November 2000 jam 11.45pg. Keterangan ini disokong oleh ASP Mohd Razali (SP3) dan ASP Iyeng (SP4) dan ini tidak dinafikan oleh pembelaan;

(2) tertuduh didapati memandu kereta tersebut selama satu jam daripada mula-mula kereta dilihat dipandu oleh seorang lelaki dan dilihat oleh Ketua Inspektor Elias (SP5) dari Pekan Kati, Kuala Kangsar menghala ke Kuala Kangsar iaitu pada jam 10.45pg pada 19 November 2000 iaitu dari arah Pengkalan Hulu dan menghala keluar ke Lebuh Raya Utara Selatan;

(3) tertuduh sebagai seorang pemandu kereta tersebut mempunyai jagaan dan kawalan kereta tersebut sekurang-kurangnya selama satu jam sebelum ditahan oleh polis;

(4) ASP Hamdan (SP1) menjumpai beberapa barang-barang lain selain daripada bungkusan plastik hitam (eks P10) di sudut kanan dalam boot kereta iaitu mengandungi tiga ketulan mampat (cylindrical type) di mana setiap satu dibaluti dengan pita cellopin. Di antara barang-barang lain yang didapati daripada boot kereta tersebut adalah:

(i) topi polis berpangkat Inspektor (eks P17) dan mengikut hujah timbalan pendakwa raya ini adalah kepunyaan tertuduh kerana tertuduh adalah seorang pegawai polis dan ianya menjurus kepada kepunyaan tertuduh.

(5) seorang bernama Loke Heng Fong (SP11) ada meminjamkan kereta (eks P42) kepada tertuduh pada 14 Oktober 2000 dan sebelum

meminjamkan kereta tersebut, SP11 ada memeriksa kereta tersebut, iaitu spare tyre belakang kereta, bateri dan injin kereta dan tidak ada barang-barang lain di tempat letak spare tyre, dan dadah yang dijumpai bukanlah kepunyaan SP11;

(6) oleh itu, tertuduh seorang diri mempunyai kawalan dan jagaan terhadap kereta tersebut dan seterusnya memiliki dadah tersebut. Tertuduh juga mempunyai pengetahuan di atas dadah tersebut kerana semasa tertuduh memandu kereta, kedudukan dadah yang dijumpai di dalam boot kereta tersebut dan sedemikian terjumpa satu topi Polis berpangkat Inspektor (eks P17) di dalam boot kereta dan ia menunjukan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dadah tersebut.

Kes-kes yang dirujuk oleh timbalan pendakwa raya adalah seperti berikut:

(1) *Public Prosecutor v Ahmad bin Shafie* [1988] 1 MLJ 255

(2) *Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 132

(3) *Tong Peng Hong v Public Prosecutor* [1955] 21 MLJ 232

(4) *Pendakwa Raya lwn Kang Ho Soh* [1992] 1 MLJ 360

(5) *Gunalan a/l Ramachandran & Ors Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489

(6) *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585

Seterusnya, timbalan pendakwa raya berhujah bahawa mahupun terdapat kelemahan dan kesilapan (weaknesses and flaws) dan jurang atau kekosongan (gap) dalam kes pendakwaan, ia masih telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh dan berhujah untuk memerintah tertuduh membela diri terhadap pertuduhan tersebut.

[9] Peguambela bagi tertuduh berhujah seperti berikut:

(1) Pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh. Tidak ada keterangan untuk membangkitkan andaian (inference) bagi custody and control terhadap tertuduh. Juga, tidak ada keterangan atau keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang mencukupi untuk membangkitkan sebarang andaian (inference) bahawa tertuduh ada pengetahuan;

(2) pendakwaan gagal membuktikan pemilikan eksklusif sama ada kereta (eks P42) ataupun boot kereta tersebut dan terdapat juga tangkapan yang lain selain daripada tertuduh yang disyaki terlibat dalam kes ini;

(3) terdapat buku akaun Malayan Banking (eks P30) di atas nama Abdullah Zawawi bin Tajuddin dan talipon bimbit daripada kereta tersebut di mana kedua-dua barang ini bukan kepunyaan tertuduh;

(4) Tidak ada sebarang kesan cap jari didapati daripada:
(i) Beg plastik hitam (eks P10);
(ii) 2 pasang kasut (eks P18A–B) dan (eks P19A –B)
(iii) atau daripada mana-mana barang lain yang didapati daripada boot kereta;

(5) terdapat putus talian yang penting (material gap) dalam kes ini terhadap barang kes dan gerak geri kereta tersebut sejak kereta tersebut bertolak dari Pengkalan Hulu seperti yang dikatakan oleh SP3;

(6) ada keterangan pengakuan dalam kes pendakwaan bahawa kereta tersebut digunakan oleh orang-orang lain, iaitu oleh SP12, SP13 dan orang-orang yang mempunyai akses (access) sejak kereta itu dipinjam pada 14 November 2000 di Ipoh dan orang tersebut adalah SP12, SP13, pekerja-pekerja SP13 dan pekerja di bengkel membaiki kereta. Tidak ada keterangan bahawa tertuduh yang memandu kereta sebelum kereta dilihat di Pekan Kati, Kuala Kangsar dari tempat pemerhatian pertama (Observation Point pertama) ke tempat pemerhatian kedua (Observation Point kedua) iaitu dari Pengkalan Hulu sehinga tertuduh ditangkap di Tol Jelapang;

(7) senarai butir-butir bertarikh 20 Ogos 2004 (eks P40) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana dokumen yang dilabelkan Perakuan (eks P39) yang dikeluarkan tidak menyatakan sebarang butiran-butiran hubung kait dengan kereta tersebut (eks P42) atau hubung kait senarai butiran-butiran yang terdapat di (eks P40) tentang kereta tersebut untuk mematuhi s 90(A)(2) Akta Keterangan 1950. Mahupun keputusan mahkamah Rayuan dalam kes *Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 1, mengikat mahkamah ini di mana senarai butiran-butiran ke atas sebuah kenderaan yang dikeluarkan oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan seperti dalam kes itu boleh diterima sebagai keterangan bersama-sama dengan perakuan seperti dikehendaki di bawah s 90(A)(2) Akta Keterangan 1950, malangnya Perakuan (eks P39) dalam kes ini tidak menyatakan sama ada ianya berhubung kait atau berkaitan (relevant) dengan kereta tersebut atau (eks P40).

(8) oleh itu, fakta kes ini harus dan boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta kes *Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* di mana peguam berhujah dengan segala hormatnya bahawa kes itu tidak menjelaskan apakah kandungan Perakuan yang dikemukakan dalam kes itu. Dalam kes (*Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor*, mahkamah Rayuan tidak sentuh tentang kandungan dalam Perakuan dan isu seperti dibangkitkan oleh pembelaan dalam kes di hadapan mahkamah ini. Oleh yang demikian, Perakuan (eks P39)

tidak seharusnya diterima sebagai keterangan. Seterusnya dan di atas alasan ini dan oleh kerana dan sekiranya Perakuan (eks P39) tidak diterima sebagai keterangan seperti yang dikehendaki di bawah s90(A)(2) Akta Keterangan 1950, akibatnya adalah senarai (eks P40) juga tidak boleh diterima sebagai keterangan tanpa Perakuan tersebut kecuali pembuat kepada (eks P40) dipanggil untuk memberi keterangan lisan. Di atas alasan-alasan yang tersebut, (eks P39) dan (eks P40) harus dibatalkan daripada rekod mahkamah. Seterusnya, dan sekiranya (eks P39) dan (eks P40) tidak diterima oleh mahkamah sebagai keterangan atau membuktikan pemilik kereta tersebut, ia bermakna tidak ada keterangan yang boleh diterima (admissible) siapakah pemilik kereta tersebut. Di atas alasan-alasan tersebut, mahkamah ini boleh membangkitkan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan kerana: (i) SP11 bukanlah pemilik berdaftar kereta tersebut seperti diakui oleh beliau; dan (ii) tidak ada keterangan daripada pemilik berdaftar kereta tersebut sebenarnya untuk sahkan apa yang dikatakan oleh SP11 atau keterangan beliau mengenai kereta tersebut iaitu di mana SP11 berkata, walaupun kereta tersebut didaftar di atas nama Leong Kim Wai sebagai pemilik berdaftar, SP11 adalah sebenarnya tuan punya kereta;

(9) dalam kes ini, pendakwaan juga gagal untuk memberitahu lebih lanjut apakah langkah-langkah yang munasabah yang diambil oleh pasukan siasatan untuk mengesan pemilik berdaftar kereta tersebut sebenarnya. Di atas sebab-sebab seperti dinyatakan di atas tidak ada keterangan daripada rekod Jabatan Pengangkutan Jalan siapakah pemilik berdaftar kereta No AEA 1973 (eks P42);

(10) terdapat usikan (tampering) di atas dokumen Borang Utusan Teleprinter Polis (eks D 41) di mana terdapat kesan pemadaman melalui liquid paper, ditaip semula jenis dadah ganja di dua tempat. Sebaliknya, mengikut keterangan Kpl Mohamad Noor bin Awang (SP12) beliau ada melihat Borang Utusan Polis tersebut di Balai Polis Pontian yang dihantar pada 20 November 2000 beberapa hari kemudian yang menyatakan jenis dadah yang dirampas daripada Proton Satria No AEA 1973 (eks P42) adalah tiga ketul candu mentah (raw candu). Juga, terdapat usikan di Akuan Penerimaan (eks P4A–C) di mana waktu telah ditambah selepas tulisan asal dipadamkan;

(11) oleh itu, terdapat keraguan apakah jenis dadah yang dirampas, sama ada candu mentah atau ganja kerana jenis dadah yang dirampas juga tidak dinyatakan dalam Borang Pemeriksaan (eks P3A–F) dan di Akuan Penerimaan (eks P4A–C) di antara SP1 dan Pegawai Penyiasat (SP14). Keraguan jenis dadah yang sebenarnya dirampas daripada boot kereta tersebut ditimbulkan oleh agensi penyiasatan sendiri kerana mengikut Borang Pemeriksaan (eks P3A–F) tidak menyebut jenis dadah, dan catitan asal di Borang Utusan Polis (eks D41) adalah

candu mentah dan kemudian diusik dan dipadamkan dan terdapat catitan ganja;

(12) juga, diakui oleh Pegawai Penyiasat (SP14) bahawa terdapat banyak misteri:

(i) bagaimana buku akaun Malayan Banking di atas nama Abdullah Zawawi bin Tajudin boleh timbul dalam kes ini;

(ii) talipon bimbit Samsung yang telah diserahkan kepada SP14;

(13) pendakwaan gagal mengemukakan sebarang keterangan mengaitkan tertuduh dengan milikan dadah iaitu, beg plastik bersama dengan kandungannya yang didapati daripada beg plastik hitam (eks P10) dan sama ada tertuduh mempunyai milikan eksklusif terhadap kereta dan boot kereta;

Peguambela tertuduh telah merujuk kes-kes berikut:

(1) *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561

(2) *Pendakwa Raya lwn Tan Hock Beng* [2002] MLJU 75

(3) *Pendakwa Raya lwn Toh Ah Moi & Anor* [1990] 2 CLJ 580

(4) *Chan Kheng Nam lwn Pendakwa Raya* [1995] MLJU 214

(5) *Public Prosecutor v Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206

(6) *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137

(7) *Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor, Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220

(8) *Yeong Kia Heng lwn Pendakwa Raya* [1992] 1 MLJ 329

(9) *Sia Soon Suan v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 116

(10) *Public Prosecutor v Karim bin Abd Jaabar* [2002] 2 MLJ 488

[10] Di atas alasan-alasan tersebut, peguambela bagi tertuduh berhujah bahawa tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil membela diri kerana pendakwaan gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh.

KEPUTUSAN

[11] Mahkamah mendapati bahawa di atas keseluruhan kes yang dikemukakan, pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan tambahan pula (in addition) menimbulkan misteri, banyak jurang (gap) dan flaws di peringkat siasatan dan juga di peringkat pendakwaan masing-masing dan semua perkara ini telah diakui oleh Pegawai Penyiasat SP14 bahawa terdapat misteri dan ini juga diakui oleh timbalan pendakwa raya mengenai jurang (gap) dan flaws pada masa hujahan.

[12] Mahkamah ini mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan di atas keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) dalam

kes ini tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh dengan dadah yang terdapat daripada boot kereta tersebut ataupun mengenai milikan eksklusif. Kawalan dan jagaan (management and control) kereta tersebut pada masa tertuduh ditangkap sahaja tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh terhadap milikan dadah yang didapati daripada boot kereta. (Rujuk kes *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678 dan *Public Prosecutor v Sukumaran a/l Sudram* [1999] 4 MLJ 462.)

[13] Tidak ada keterangan sejak bila topi polis berpangkat Inspektor (eks P17) berada dalam boot kereta, sama ada topi polis tersebut sudahpun berada dalam boot kereta pada masa beg plastik hitam (eks P10) dimasukkan dalam boot atau beg plastik hitam (eks P10) sudahpun berada dalam boot kereta tersebut dan kemudian topi Polis tersebut (eks P17) dimasukkan dalam boot kereta tersebut. Siapakah tuan punya topi polis tersebut tidak dibuktikan walaupun memang pendakwaan mengesyaki bahawa topi polis tersebut adalah kepunyaan tertuduh kerana beliau adalah seorang pegawai polis namun demikian, alasan itu bukanlah semestinya boleh dikatakan kepunyaan tertuduh walaupun mungkin disyaki. (Rujuk kes *A Jayaram & Anor v State of Andh Pradesh* AIR 1995 SC 2128 di ms 2129 dan *State of Kerala v MM Mathew & Anor* AIR 1978 SC 1571.)

[14] Mahkamah juga berpendapat bahawa ada percanggahan yang material di antara keterangan SP1, SP3 dan SP4 tentang gerak geri barang kes yang dirampas daripada boot kereta. Mengikut keterangan SP1 di antara keterangan yang lain adalah berikut:

(1) SP1 memeriksa fizikal tertuduh dan kereta tersebut yang dipandunya. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan beliau temui satu bungkusan plastik hitam (eks P10) di sudut sebelah kanan boot kereta No AEA 1973 (eks P42). Bungkusan plastik tersebut tidak diikat. Apabila dibuka beg itu didapatinya ada tiga ketul cylindrical type yang setiap satunya dibaluti dengan cellophane tape warna brown. Dengan menggunakan sarung tangan, beliau memegang setiap ketulan tersebut dan didapati sedikit kesan lubang yang boleh dilihat yang mana didapati daun-daun kering mampat yang beliau syaki cannabis atau ganja. Selain daripada beg plastik mengandungi tiga ketulan mampat yang disyaki cannabis SP1 juga jumpa:

    (i) sepasang kasut jenama Clark berwarna brown;

    (ii) sepasang kasut jenama Duo Pakee;

    (iii) satu sarung raket badminton jenama Yonex (eks P20) di dalamnya terdapat dua raket badminton jenama Yonex (eks P20A) dan satu lagi raket Carlton (eks P20B) ditemui dalam boot kereta tersebut;

(2) Daripada dash board bahagian kiri penumpang, SP1 temui satu passport antarabangsa dan satu buku akaun Maybank di atas nama tertuduh. Daripada dekat gear box, beliau temui satu talipon mudah alih jenis

Samsung. Selepas membuat tanda-tanda SP1 memasukkan semua tiga cylindrical type dalam plastik hitam yang sama ditemui dalam boot kereta tersebut. Selepas itu beliau keluarkan beg plastik hitam yang mengandungi tiga cylindrical type yang disyaki cannabis dan telah diserahkan kepada ASP Razali (SP3) yang berada bersama-sama tertuduh. Seterusnya beliau telah mengarahkan ASP Iyeng (SP4) memandu kereta tersebut dibawa pulang ke Ibu Pejabat Jabatan Narkotik. Kemudian SP1 membawa tertuduh dengan dieskot oleh Det Lans Kpl Awi, Sgt Ali, diikuti oleh ASP Razali (SP3) yang masih memegang bungkusan plastik hitam mengandungi tiga ketulan mampat ke tempat letak kereta di pejabat Tol Jelapang. Ketika sampai di tempat letak kereta dan disaksikan oleh SP1 dan tertuduh, ASP Razali (SP3) memasukkan bungkusan plastik hitam ke boot kereta No WDN 8289 dan menutup boot tersebut. Kereta No WDN 8289 adalah kereta pasukan. SP1 membawa tertuduh di kereta No WDN 8289 pulang ke pejabat. Ketika di pejabat beliau (SP1) telah membuka boot kereta No WDN 8289 mengambil keluar bungkusan yang masih lagi mengandungi tiga ketulan mampat disyaki cannabis dan diperhatikan oleh tertuduh. SP1 telah membawa bungkusan plastik hitam dan tertuduh ke Bilik Taklimat di Pejabat Narkotik. Pada masa yang sama ASP Iyeng (SP4) telah mengeluarkan lain-lain barang yang masih lagi berada di dalam kereta No AEA 1973 ke Bilik Taklimat yang sama dan serahkan kepada beliau (SP1). Laporan Polis Jelapang Report 2815/2000 dibuat oleh SP1 jam 1.30tgh pada 19 November 2000 manakala mengikut keterangan SP3 versinya adalah seperti berikut:

(i) selepas tangkapan dibuat beliau telah diserahkan satu beg plastik hitam oleh ASP Hamdan (SP1) yang di dalam beg tersebut mengandungi tiga ketulan mampat yang disyaki ganja. Beliau nampak ASP Hamdan (SP1) mengambil beg plastik tersebut dari tempat barang di belakang kereta No AEA 1973 iaitu di boot belakang. Beliau sendiri nampak SP1 mengeluarkan beg plastik tersebut dan terus serahkan kepada beliau (SP3) untuk safe custody. Beliau kurang pasti apakah ASP Hamdan lakukan sebelum pasukan serbuan sampai. Beliau kemudian dipanggil oleh SP1 untuk mengambil beg plastik hitam. Semasa mengambil beg plastik hitam yang keadaannya tidak diikat dan masih loose, beliau nampak SP1 membuat pemeriksaan keseluruhan kereta tersebut. Selepas beg plastik hitam diserahkan, beliau (SP3) telah diarahkan oleh ASP Hamdan (SP1) untuk berjalan bersama dengan suspek yang ditangkap ke belakang Pejabat Tol disaksikan oleh suspek. Beliau (SP3) kemudian telah memasukkan balik beg plastik hitam tersebut ke dalam kereta No AEA 1973 dan dipandu daripada Lorong Tol ke belakang pejabat. Beliau (SP3) telah memasukkan balik beg plastik hitam yang mengandungi 3 ketulan mampat ke dalam boot kereta No AEA 1973 disaksikan oleh suspek. Setelah letak di dalam boot, beliau (SP3) serahkan kepada ASP Hamdan (SP1) untuk safe keeping of the exh. Penyerahan semula kepada ASP Hamdan (SP1) berlaku

di belakang pejabat rumah Tol Jelapang. Beliau (SP3) tidak ada membawa apa-apa barang kes atau OKT ke pejabat. Tugas beliau habis selepas menyerah barang kes kepada ASP Hamdan (SP1). Semasa beg plastik hitam yang mengandungi tiga ketulan mampat diserahkan kepada beliau (SP3), beliau melihat ketulan mampat tersebut disyaki dadah jenis ganja atau cannabis. Selepas itu beliau (SP3) tidak lagi memeriksa sehingga diserahkan kepada ASP Hamdan (SP1).

[15] Dalam pemeriksaan balas keterangan SP3 adalah seperti berikut:

(1) Semasa boot dibuka di Tol Plaza Jelapang beliau tidak nampak apa-apa berada dalam boot kereta tersebut walaupun jarak beliau berada lima meter dari kereta tersebut. ASP Hamdan (SP1) panggil beliau ke kereta tersebut. Lepas itu ASP Hamdan (SP1) serahkan kepada beliau (SP3) satu beg plastik hitam yang mengandungi tiga ketulan mampat. Selepas 15 minit beliau masukkan beg plastik hitam dalam boot kereta dan serahkan kepada ASP Hamdan (SP1). Selepas beliau masukkan ke dalam boot kereta beg plastik hitam bersama kandungannya beliau tidak tahu apa terjadi pada beg plastik hitam kerana beliau tidak ada lagi dengan ASP Hamdan (SP1). Beliau setuju bahawa semasa beliau pegang beg plastik hitam beliau langsung tidak membuka ketulan mampat tersebut. Beliau (SP3) setuju beliau tidak tahu kandungan tiga ketulan mampat kerana tidak dibuka tetapi beliau mengesyaki mengandungi dadah. Semasa beliau masukkan tiga ketulan mampat di boot kereta masih tidak dibuka untuk lihat kandungannya. Semasa beliau masukkan ke dalam boot kereta No AEA 1973 kereta itu terus diedarkan dari tempat itu. Beliau juga tidak mengekori kereta sehingga ke Balai Polis. Jarak dari Tol dengan Balai Polis Jelapang adalah lebih kurang 10–15 km. Beliau setuju jika kandungan dalam beg plastik ditambah atau ditukar dalam perjalanan beliau tidak tahu. Beliau setuju bahawa beliau tidak pasti sama ada barang-barang seperti di P2A–H adalah dirampas daripada kereta No AEA 1973.

(2) Beliau tidak lihat siapakah yang memandu kereta tersebut selepas beliau masukkan tiga ketulan mampat dalam kereta itu dan beredar dari situ. Beliau tidak pasti sama ada ASP Hamdan (SP1) ada dalam kereta itu untuk balik ke Ipoh. Beliau cuma serahkan barang-barang masuk ke dalam boot kereta No AEA 1973 disaksikan oleh ASP Hamdan (SP1) dan OKT dan seterusnya beredar untuk tugas yang lain. Semasa beliau sampai kepada ASP Hamdan (SP1) pada masa dipanggil oleh ASP Hamdan (SP1), dia (SP1) berada di belakang kereta No AEA 1973, kenderaan telah dibuka. Manakala keterangan ASP Iyeng (SP4) adalah seperti berikut:

(1) pada 19 November 2000, di tempat bayar tol dia nampak ASP Hamdan (SP1) dan anggota menyerbu ke arah kereta No AEA 1973 dan menangkap suspek. Pada ketika itu beliau (SP4) turut berlari ke kereta tersebut. Beliau mengekori kereta No AEA 1973 dengan

sebuah kereta pasukan dengan seorang pemandu. Pada ketika itu suspek telah ditangkap apabila beliau berlari ke arah kereta itu. Selepas itu, beliau terus ambil alih dan mengawal suspek. Selepas tangkapan dibuat ASP Hamdan (SP1) telah membawa kereta tersebut ke hadapan Plaza Tol Jelapang. Beliau (SP4) membawa suspek ke tempat kereta tersebut. Di situ ASP Hamdan (SP1) memberi amaran kepada suspek dan menjalankan pemeriksaan di dalam kereta tersebut dan telah menjumpai passport dan buku Bank di dash board manakala di tempat duduk belakang terdapat sebuah beg atau kit beg. Seterusnya, ASP Hamdan (SP1) membuat pemeriksaan di boot kereta tersebut dan dapati ada satu beg plastik berwarna hitam dan di dalamnya mengandungi tiga bungkusan berbentuk cylinder berwarna coklat. Juga, turut terdapat dalam boot tersebut dua pasang kasut, satu raket dan satu topi polis dan itu sahaja. Semasa ASP Hamdan (SP1) memeriksa boot kereta tersebut beliau (SP4) ada di sebelah ASP Hamdan (SP1) bersama tertuduh. Beliau (SP4) melihat ASP Hamdan (SP1) membuka boot kereta itu menggunakan kunci. ASP Hamdan (SP1) memeriksa bungkusan tersebut dan menyatakan ganja. Plastik tidak diikat tetapi berpintal di atas dan nampak senang dibuka. ASP Hamdan (SP1) membelek dan membuat koyakan kepada setiap bungkusan. Beliau tidak pasti berapa besar koyakan itu. Selepas itu beliau nampak ASP Hamdan (SP1) mengambil gambar barang kes yang terletak dalam boot dan dalam kenderaan. Selepas pemeriksaan boot dibuat, seterusnya ASP Hamdan (SP1) rampas barang kes. Beliau (SP4) tidak mengenali beg plastik hitam itu dan tiga ketulan. Selepas itu, beliau (SP4) serahkan OKT kepada ASP Hamdan (SP1) dan ASP Hamdan mengarahkan beliau membawa kereta No AEA 1973 ke pejabat. Setelah sampai di pejabat, beliau menyerahkan kereta tersebut bersama keretanya serta barang-barang yang terdapat dalam kereta kepada ASP Hamdan (SP1) dipejabatnya. Selepas mengambil gambar beliau keluarkan barang-barang itu daripada boot kereta dan berlepas ke pejabat dan bawa balik ke pejabat. ASP Hamdan (SP1) membawa barang kes balik ke dalam kereta yang berlainan. Nombor kereta tidak tahu. OKT dibawa oleh ASP Hamdan (SP1) manakala beliau (SP4) membawa kereta No AEA 1973. Beliau (SP4) tidak mengekori kereta ASP Hamdan (SP1) daripada tempat kejadian ke pejabat. Apabila beliau (SP4) sampai di pejabat beliau tidak ada bersama dengan ASP Hamdan (SP1). Beliau setuju beg plastik hitam dan tiga cylinder itu beliau nampak di Plaza Tol Jelapang dan selepas itu langsung tidak lihat sehingga hari ini iaitu tarikh perbicaraan. Beliau tidak pasti isi kandungan tetapi bungkusan yang dirampas pada hari kejadian adalah bungkusan yang sama berada di mahkamah pada hari perbicaraan. Beliau memang tidak melihat isi kandungan tetapi apa yang nampak bungkusan tersebut adalah sama. ASP Hamdan koyak satu ketulan sahaja.

[16] Di sini adalah jelas bahawa terdapat keraguan yang jelas tentang pergerakan barang kes dan sebenarnya siapa yang mengawal barang kes sejak

dirampas di boot kereta di tempat kejadian sehingga ke Balai Polis dan kemudiannya diserahkan kepada Pegawai Penyiasat (SP14) dan keraguan ini terkandung dalam keterangan di mana terdapat keterangan yang berlainan daripada SP1, SP3 dan SP4 seperti didapati oleh mahkamah ini.

[17] Mahkamah ini juga mendapati:

(1) tidak ada sebarang penjelasan kenapa kereta itu tidak ditahan di tempat pemerhatian pertama (Observation Point No 1) atau tempat pemerhatian kedua (Observation Point No 2) sekiranya kereta tersebut ada membawa dadah dan rampas pada masa itu mahupun itu bukanlah satu alasan untuk menimbulkan sebarang keraguan terhadap milikan;

(2) tidak ada keterangan kenapa kereta itu tidak diekori daripada Point 1 ke 2 dan seterusnya ke Point 3 ataupun daripada Pengkalan Hulu kerana maklumat yang diterima oleh SP3 pada 17 November 2000 (iaitu dua hari sebelum tarikh tangkapan) bahawa kereta No AEA 1973 (eks P42) akan membawa dadah dari Pengkalan Hulu ke Selatan Malaysia. Ada juga keterangan daripada SP3 bahawa beliau telah menerima panggilan telefon pada jam 3pg pada 19 November 2000 bahawa kereta tersebut akan melalui Pengkalan Hulu menuju ke selatan. Mengikut keterangan SP1 pada jam lebih kurang 8.45 pada 19 November 2000, SP3 ada memaklumkan kepada beliau bahawa kereta tersebut No AEA 1973 dan pemandunya telah berlepas memasuki Pengkalan Hulu, iaitu Kroh pada jam 7.45pg pada tarikh yang sama;

(3) tidak ada keterangan siapakah yang membawa kereta daripada Betong hingga ke Pengkalan Hulu dan daripada Pengkalan Hulu sehingga kereta melepasi tempat pemerhatian pertama (Observation Point No 1) dan berapa orang berada dalam kereta atau tertuduh seorang sahaja pada semua masa sejak kereta bertolak dari Betong pada 19 November 2000 jam 7.45pg dan perkara-perkara tersebut iaitu, bahawa tidak ada orang lain dalam kereta dan tidak ada orang lain memandu kereta tersebut tidak dielakkan atau disangkal (eliminate) oleh pendakwaan;

(4) tidak ada keterangan siapa yang bertanggungjawab mengenai mengusik catitan di eks D41 dan bilakah usikan ini dibuat dan apakah asasnya, sama ada Inspektor Zul atau Inspektor Helmi yang membuat usikan berkaitan dengan jenis dadah. Kenapa mereka tidak dipanggil untuk memberi keterangan atau penjelasan terhadap perkara tersebut yang meragukan. Sebenarnya tidak ada penjelasan langsung dari pendakwaan:

    (i) apakah sebenarnya asas untuk membuat catitan Borang Utusan Jenayah (eks D 41) bahawa jenis dadah yang dirampas daripada kereta (eks P42) adalah candu mentah;

    (ii) apakah asas untuk kemudiannya mengusik catitan kandungannya di Borang Utusan Polis (eks D41) kepada jenis dadah adalah ganja;

(iii) dalam kes ini terdapat passport antarabangsa dalam kereta tersebut. Bukankah penting untuk memanggil seseorang pegawai daripada Jabatan Imigresen untuk menunjukkan siapakah pemilik passport tersebut, bilakah ia masuk ke Betong sekiranya ada masuk dan bilakah dia keluar dari Betong kerana SP3 ada menerima maklumat pada 17 November 2000 bahawa kereta No AEA 1973 akan membawa dadah daripada Pengkalan Hulu ke selatan Malaysia. Maklumat juga diterima pada 19 November 2000 pada jam lebih kurang 3pg oleh SP3 bahawa kereta tersebut akan bertolak dari Betong pada jam 7.45pg pada 19 November 2000 sekiranya kereta ada keluar dari Betong;

(iv) bilakah kereta masuk ke Betong sebelum 19 November 2000 kerana SP3 telah terima maklumat pada 17 November 2000 iaitu lebih kurang dua hari sebelum tarikh kejadian bahawa kereta tersebut akan membawa dadah dan SP3 juga ada terima maklumat pada lebih kurang 3pg pada 19 November 2000 bahawa kereta akan melalui Pengkalan Hulu menuju ke selatan Malaysia. Ada juga keterangan daripada SP7 bahawa ada pernah kereta tersebut No AEA 1973 yang digunakan oleh tuanpunya dibawa ke Thailand pada tahun 2000. Selanjutnya, ada juga keterangan daripada SP11 bahawa kereta tersebut No AEA 1973 ada dipinjam di antara bulan September hingga Oktober untuk pergi ke Negara Thailand;

(v) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk kesan atau mengekori kereta tersebut sejak ia bertolak dari Pengkalan Hulu jam 7.45pg pada 19 November 2000 untuk sekurang-kurangnya mendapat bukti siapa yang memandu kereta daripada tempat ia bertolak pada mula-mulanya iaitu dari Pengkalan Hulu. Sejak SP3 mendapat maklumat pada 17 November 2000 iaitu lebih kurang dua hari sebelum tarikh kejadian tidak ada sebarang tindakan atau langkah-langkah yang diambil untuk mengesan atau mengekori kereta tersebut atau mencatit maklumat tersebut di mana-mana rekod sebab maklumat yang diterima oleh SP3 adalah terperinci bahawa sebuah kereta nombor pendaftaran AEA 1973 akan membawa dadah daripada Pengkalan Hulu ke selatan Malaysia dan SP3 telah menerima maklumat selama tiga kali selepas maklumat diterima pada 17 November 2000. SP3 juga mengakui bahawa maklumat yang beliau terima adalah begitu tepat mengenai kereta. Adakah kemungkinan orang yang memberi maklumat kepada SP3 sejak 17 November 2003 sebanyak empat kali termasuk maklumat yang diberi pada 17November 2000 beliau yang menggunakan kereta tersebut dan masukan dadah tersebut dalam boot kereta tanpa pengetahuan tertuduh;

(vi) oleh kerana SP3 telah terima maklumat pada 17 November 2000 bahawa kereta tersebut akan membawa dadah dan maklumat ini diulangi tiga kali selepas diberi pada kali pertama dan kereta ditahan oleh polis pada 19 November 2000, tidak ada keterangan siapa yang menggunakan kereta dari 17 November 2000 sehingga kereta ditahan pada 19 November 2000 dan perkara ini ditinggal atau dibiarkan tanpa diisi oleh pendakwaan. Di sini adalah penting untuk mnimbang bahawa tidak ada keterangan tertuduh yang memandu kereta ke Pengkalan Hulu pada atau sebelum 17 November 2000 dan tidak ada keterangan tertuduh yang menggunakan kereta dari 17 November 2000 sehingga 19 November 2000 melainkan beliau didapati memandu kereta pada 19 November 2000 jam lebih kurang 11.40pg seperti pertuduhan.

[18] Dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa pendakwaan:

(1) gagal membuktikan bahawa tertuduh seorang sahaja mempunyai akses kepada kereta dan boot tersebut;

(2) gagal membuktikan tertuduh mempunyai milikan eksklusif terhadap kereta dan boot tersebut.

(3) gagal untuk elakkan (eliminate) atau menyisih bahawa tidak ada orang lain selain daripada tertuduh yang ada akses kepada kereta dan boot memandangkan terdapat dua pasang kasut daripada boot dan terdapat buku akaun Maybank atas nama Abdullah Zawawi bin Tajuddin;

(4) kemungkinan terdapat orang atau orang lain yang mempunyai akses kepada boot dan kereta tersebut tidak dielakkan; (Rujuk kes *Abdullah bin Yaacob v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 237.)

(5) terdapat talipon bimbit di mana tidak ada bukti itu adalah kepunyaan tertuduh. Tidak ada keterangan sama ada sebarang panggilan talipon dibuat atau diterima melalui talipon bimbit tersebut mengenai barang kes tersebut;

(6) Tidak ada keterangan sama ada catitan di eks D41 yang diusik telah dihantar semula kepada semua pengalamat yang sebelumnya telah dihantar, iaitu sebelum usikan dibuat dan sama ada diterima semula oleh pengalamat tersebut;

(7) Mengikut keterangan SP1 dadah itu telah dibalut pada masa dirampas dan tidak terdapat sebarang bau. Oleh itu, andaian (inference) mungkin tertuduh mempunyai pengetahuan di atas dadah tersebut tidak dapat ditimbulkan terhadap beliau. Ada juga keterangan bahawa SP3 bersetuju bahawa semasa beliau memegang plastik beg, beliau langsung tidak membuka 3 ketulan mampat tersebut. SP3 juga bersetuju bahawa beliau

tidak tahu kandungan 3 ketulan mampat kerana tidak dibuka tetapi beliau cuma mensyaki mengandungi cannabis dan ini adalah dalam pemeriksaan balas. Manakala dalam pemeriksaan utama SP3 berkata bahawa beliau melihat bahawa ketulan mampat tersebut disyaki dadah jenis ganja atau cannabis;

(8) gagal mengambil sebarang tindakan untuk mengesan siapakah Encik Abdullah Zawawi bin Tajuddin, tuan punya buku akaun Malayan Banking dan untuk pastikan sama ada beliau adalah seorang yang ada akses kepada boot dan kereta dan ini tidak dapat dielakan (eliminate) oleh pendakwaan;

(9) tidak ada kesan cap jari sama ada terdapat dari dua pasang kasut (eks P18A&B dan P19A&B), talipon bimbit walaupun di atas beg plastik hitam;

(10) keterangan pendakwaan dengan jelas menunjukkan bahawa kereta yang dipinjam pada 14 Oktober 2000 tidak dipakai atau dipandu oleh tertuduh tetapi dipakai oleh beberapa orang lain iaitu seperti keterangan yang didapati daripada SP11, SP12 dan SP13;

